Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

PENDAFTAR
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
PALACE OF JUSTICE
ARAS 3, PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

HIGH COURT OF MALAYA

Telefon: 03-8880 3782
Faks : 03-8880 3886

Ruj. Tuan: (9)
Ruj. Kami: PMT/UU/4/3
Tarikh : 8 Julai 2005

Semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya.

Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR NO. 1 TAHUN 2005

LELONGAN AWAM HARTANAH DI MAHKAMAH TINGGI (PROSIDING HALANGTEBUS)

Adalah saya diarahkan oleh YAA Hakim Besar Malaya untuk memaklumkan bahawa susulan daripada pindaan-pindaan kepada Kanun Tanah Negara 1965 melalui Akta Pindaan A1104/01 yang berkuatkuasa dari 1.12.2001, YAA Hakim Besar Malaya mengarahkan supaya arahan-arahan berikut dipatuhi.

1. Perisytiharan dan Syarat-Syarat Jualan

Semua Mahkamah Tinggi hendaklah meluluskan satu perisytiharan dengan syarat-syarat jualan yang seragam seperti dalam Lampiran "A".

2. Fail Pelaksanaan Berkaitan Prosiding Halangtebus

Fail-fail pelaksanaan berkaitan prosiding halangtebus di bawah Aturan 83 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bolehlah ditanda seperti berikut :

A/E 38 – No. Tahun

3. Bayaran Deposit oleh Plaintif

Deposit sebanyak RM2,000 dalam bentuk bank draf hendaklah dikutip dari plaintif sebelum lelongan dijalankan. Deposit ini hendaklah dimasukkan ke dalam akaun deposit mahkamah dan resit rasmi dikeluarkan.

RECEIVED
15 JUL 2005

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

4. **Geran Hakmilik Tanah**

Geran hakmilik tanah hendaklah didepositkan di Mahkamah Tinggi seminggu sebelum tarikh lelongan awam dijalankan. Sebarang kegagalan akan menjadikan lelongan awam ditangguhkan.

5. **Pelantikan Pelelong**

Pelelong berlesen hendaklah dilantik oleh mahkamah mengikut giliran. Sekiranya pihak plaintif ingin melantik pelelong tertentu, permohonan mesti dibuat melalui saman dalam kamar.

6. **Pegawai Mahkamah sebagai Saksi**

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar ataupun pegawai lain yang ditugaskan hendaklah hadir dan mengawasi lelongan awam.

7. **Lokasi Jualan Lelongan**

Semua lelongan awam hendaklah dijalankan di dalam bilik-bilik lelong di dalam Mahkamah Terbuka atau di perkarangan Mahkamah yang mengeluarkan perintah kecuali jualan untuk lelongan awam yang dibuat di luar stesyen.

8. **Lelongan Yang Dibuat Di Luar Stesyen**

10.1. Mahkamah yang mengeluarkan perintah hendaklah memaklumkan kepada Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi luar stesyen atau pegawai lain di luar stesyen yang diarahkan untuk menyeliakan lelong awam pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

10.2. Urusan lelongan awam di luar stesyen ini tidak melibatkan perpindahan fail dari Mahkamah Tinggi yang mengeluarkan perintah ke Mahkamah Tinggi di luar stesyen.

9. **Kehadiran Peguam/Wakil**

Peguam plaintif hendaklah menghadiri lelongan awam itu. Jika peguam yang berkenaan tidak dapat hadir beliau hendaklah menghantar seorang wakil yang sah yang dibekalkan dengan surat pelantikan wakil seperti dalam "Lampiran B".

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

10. Buku Daftar Penawar

10.1- Setiap penawar dikehendaki mendeposit dengan mahkamah deposit 10% dari harga rizab yang ditetapkan secara bank draf atas nama plaintif sebelum lelongan awam dijalankan.

10.2- Sebelum sesuatu lelongan awam dijalankan butir-butir mengenai penawar hendaklah didaftarkan seperti dalam Lampiran "C".

10.3- Bank draf yang didepositkan di perenggan 10.1 hendaklah dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya sebaik sahaja lelongan awam diselesaikan.

11. Komisyen Mahkamah

Plaintif hendaklah membayar komisyen mahkamah dengan serta-merta selepas lelongan awam. bank draf yang didepositkan di perenggan 10.1 hanya boleh diserahkan kepada plaintif selepas pembayaran komisyen mahkamah.

12. Buku Daftar Jualan Lelong

Satu daftar jualan lelong yang lengkap perlulah diselenggarakan oleh semua Mahkamah Tinggi bagi merekodkan kes-kes jualan lelongan awam yang dijalankan seperti dalam Lampiran "D".

13. Baki Wang Belian

Semua baki harga belian hendaklah dibayar oleh penawar yang berjaya kepada plaintif dalam tempoh 120 hari mengikut peruntukan Seksyen 263 (2) dan 263 (9) Kanun Tanah Negara (KTN)

14. Seksyen 268A KTN

Penyata akaun sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 268A(3) KTN bersama-sama salinan resit pembayaran menurut seksyen 268A (2)(a)(b) KTN hendaklah dikemukakan oleh plaintif kepada mahkamah dalam tempoh 30 hari.

15. Bayaran Balik Deposit

Bayaran balik deposit hendaklah dibuat setelah :

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

i. komisyen mahkamah dibayar oleh plaintif dan

ii. penyata akaun di bawah Seksyen 268A KTN diterima daripada plaintif.

16. Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.

17. Pembatalan

Nota Amalan No. 2/1987, Arahan Amalan No. 8.1987, Arahan Amalan No. 5/1989, Nota Amalan No. 5/1989, Pekeliling Ketua Pendaftar 1/1997 dan Arahan Amalan No. 3/1998 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT)
Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
(Menjalankan Tugas-Tugas Ketua Pendaftar)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya

s.k.

1. YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya.

2. YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya.

3 Ketua Bahagian Sivil
Jabatan Peguam Negara
Putrajaya.